

# Labuan boleh jadi pangkalan sokongan logistik pelbagai guna

LABUAN: Labuan perlu berubah daripada bergantung kepada industri minyak dan gas (O&G) kepada pangkalan sokongan logistik pelbagai guna. Ketua Pegawai Eksekutif Asian Supply Base Sdn Bhd (ASB) Datuk Harris Annuar Tan berkata iklim ekonomi yang berubah di Labuan memerlukan penggiat industri mencari perubahan dan kepelbagaian, insentif dan dasar baharu.

"Pembolehubah yang akan dibincangkan termasuk aliran sektor pelabuhan, teknologi maklumat, integrasi model pengangkutan, pengurusan kualiti, peraturan-peraturan negeri dan sebagainya," katanya semasa membentangkan kertas kerja pada Persidangan Perniagaan Asia (ABC) 2016 di sini.

Asian Supply Base merupakan cabang pelaburan kerajaan negeri Sabah yang dikenali sebagai hab logistik sehenti bagi industri minyak dan gas Labuan.

Harris berkata adalah penting bagi penggiat industri mengubah cara pemikiran ke arah global serta dapat meneroka potensi baharu.

"Kita perlu mencari perubahan yang inovatif dan melengkapkan diri dengan pendekatan strategik," katanya.

Beliau juga menekankan keperluan dasar, sokongan kerajaan dan tadbir urus, tanda aras, pasukan khusus dan berinovasi.

"Labuan telah menjadi pusat perdagaa-

"Banyak perubahan geopolitik dan ekonomi. Pada hari ini, sektor minyak dan gas masih berkembang, walaupun keadaan agak mencabar, masih menjadi pemacu ekonomi utama tempatan.

"Bagaimanapun, faktor-faktor globalisasi, geopolitik, ekonomi, persaingan dan teknologi, antara lain, memerlukan suntikan idea-idea baharu, kepakaran pengurusan dan kepimpinan yang cekap bagi mengekalkan perkembangan serta mengatasi pelbagai cabaran," katanya.

Harris berkata memandangkan Labuan mempunyai pelbagai kelebihan, adalah penting bagi mereka yang berkuasa dan penggiat utama dalam industri memastikan pulau itu berkembang menjadi hab pengedaran dan perdagangan bersepadu di rantau ini.

Beliau berkata Labuan berpotensi sebagai destinasi ekonomi yang cergas memandangkan lokasinya yang strategik dalam Kawasan Pertumbuhan Timur ASEAN-Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina (BIMP-EAGA), selain disokong oleh kemudahan perindustrian, pelaburan, dan insentif perniagaan serta perkhidmatan kewangan.

"Semua faktor-faktor ini akan menjadikan Labuan sebagai platform yang strategik bagi menghubungkan Asia Pasifik.

"Ia merupakan lokasi ideal untuk men-

wangan Labuan (Labuan FSA) manakala dana luar pesisir akan membantu Labuan menjadikan destinasi pelaburan lebih menarik," kata Harris.

Beliau menggariskan beberapa faktor utama untuk pencapaian optimum dalam perkembangan ekonomi Labuan termasuk pendekatan teknologi dengan meningkatkan pemahaman berkaitan dengan pelbagai rakan kongsi, produk dan teknologi serta menggunakan perkakasan teknologi yang betul.

"Untuk membangunkan masa depan Labuan, kita perlu terus menggalakkan aktiviti perdagangan, meningkatkan aktiviti ekonomi, di samping mewujudkan inisiatif untuk menambah baik dan menaik taraf kemudahan sedia ada.

"Kita mesti dapat menyediakan bantuan logistik untuk peniaga-peniaga sebagai hab logistik sehenti, memberi nilai tambah perkhidmatan, termasuk menaik taraf kemudahan sedia ada seperti lapangan terbang, terminal feri dan hospital.

"Kita perlu kekal menggalakkan perkongsian dan membina rangkaian," kata Harris, yang juga Pengarah Taman Perindustrian Minyak dan Gas Sipitang (SOGIP). - Bernama